

LAPORAN PENGURUSAN **ZAKAT SELANGOR** **2020**



*Menyantuni Asnaf dikala
pandemik Covid 19*



ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Sekilas Pandang	2
Perutusan Pengerusi	3
Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif	8
Visi, Misi, dan Objektif	13
Kedudukan LZS di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	14
Struktur organisasi Lembaga Zakat Selangor	15
Ahli Lembaga Pemegang Amanah	18
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	29
Prestasi kutipan dan agihan zakat	45
Penyata kutipan dan agihan zakat	50
Kemudahan pembayaran zakat	65
22 cawangan Lembaga Zakat Selangor	70

Sekilas Pandang 2020



LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Pandemik COVID-19 yang berlaku menggemparkan dunia. Segalanya berubah bagi memutuskan rantai. Pergerakan telah dihadkan, penjarakan fizikal perlu dipatuhi dan pelitup muka jadi pelindung diri. Impak yang lebih besar, banyak pihak terjejas disebabkan pandemik ini.



Namun demi amanah yang dipikul, tanggungjawab menyantuni lapan asnaf dan insan di Negeri Selangor tetap kami teruskan sepanjang tempoh sukar tahun 2020. Sejumlah **RM867.2 juta** diagihkan bagi meringankan beban dan memastikan kelangsungan hidup asnaf. Usaha ini tidak akan terhasil tanpa bantuan dan sokongan daripada pengeluar zakat di Selangor yang menunaikan zakat sebanyak **RM913.0 juta** sepanjang tahun 2020.



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan limpah kurnia-Nya maka Laporan Pengurusan Zakat 2020 ini dapat diterbitkan.

Alhamdulillah dalam usia Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang kini sudah pun menginjak lebih dua dekad, LZS terus teguh memegang amanah menguruskan kutipan dan agihan zakat di Selangor. Dalam tempoh tersebut, LZS telah bergerak secara progresif seiring dengan perkembangan semasa bertujuan memudahkan pengeluaran zakat dan menyantuni asnaf zakat.

DEPANI CABARAN COVID-19

Tahun 2020 merupakan tahun yang begitu mencabar bukan sahaja kepada LZS, malahan institusi zakat di Malaysia secara keseluruhannya.

Dugaan luar biasa melibatkan krisis kesihatan global dengan kemunculan pandemik COVID-19 telah mengubah amalan kebiasaan manusia. Segalanya berubah demi memutuskan rantai. Pergerakan dihadkan, penjarakan fizikal perlu dipatuhi dan pelitup muka menjadi pelindung diri. Malah impak yang lebih besar, banyak pihak terjejas dek kerana pandemik ini.

Demi amanah yang dipikul, tanggungjawab menyantuni lapan asnaf dan insan di Negeri Selangor tetap diteruskan sepanjang tempoh sukar ini. Sejumlah **RM867.2 juta** telah diagihkan bagi meringankan beban dan memastikan kelangsungan hidup asnaf. Namun usaha ini tidak akan berhasil tanpa komitmen jitu daripada semua pihak terutamanya pengeluaran zakat di LZS yang menunaikan zakat sebanyak **RM913.0 juta** sepanjang tahun 2020.

Sebagai sebuah institusi yang memelihara kebajikan ummah, LZS komited mendepani pandemik COVID-19 demi memastikan kelangsungan golongan asnaf di Selangor. Cabaran terbesar LZS ketika itu adalah bagaimana memastikan kelangsungan agihan zakat kepada golongan asnaf di Selangor tidak terjejas dan mengekalkan momentum kutipan biarpun dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020.



Oleh itu, inisiatif pertama yang dilaksanakan oleh LZS ialah mengumumkan Bantuan Khas COVID-19 (BKC-19) berjumlah RM15.0 juta sebagai bantuan segera bagi memenuhi keperluan kebajikan dan perubatan susulan PKP. Ia khusus bagi golongan penjaja/peniaga kecil dan pekerja B40 yang rata-ratanya dalam kelompok asnaf terjejas sumber pendapatan agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh getir saat itu.

Selain itu, peruntukan agihan khas ini turut disalurkan untuk menampung keperluan peralatan perubatan di hospital-hospital yang beroperasi menangani COVID-19. LZS juga menyalurkan bantuan pek makanan kepada penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang 'terperangkap' di asrama IPT masing-masing melalui peruntukan agihan khas ini.

Hakikatnya, impak daripada pandemik COVID-19 ini telah mengakibatkan gangguan ketidakseimbangan ekonomi apabila ada rakyat yang hilang pendapatan, hilang pekerjaan, dan perniagaan merosot. Golongan B40 merupakan kelompok paling terkesan, begitu juga golongan berpendapatan sederhana (M40) yang terkena tempiasnya. Malah, LZS sendiri turut menjangkakan pertambahan jumlah asnaf fakir dan miskin dalam tempoh sukuan ketiga dan keempat tahun 2020 yang mencecah paras 80,000 asnaf. Oleh demikian, penstrukturan pengagihan zakat dilakukan mengikut Maqasid Syariah dengan memberi keutamaan kepada keluarga asnaf fakir dan miskin bagi menampung pertambahan itu nanti.

Seperti yang saya maklumkan tadi, kesan daripada krisis COVID-19 tidak hanya dirasai oleh LZS tetapi semua institusi zakat di Malaysia. Oleh itu, bagi memastikan kelangsungan LZS mesti merancang strategi kutipan zakat agar dapat memenuhi keperluan golongan asnaf yang dijangka meningkat.



Antara strategi yang dilaksanakan adalah memberi penumpuan kepada sektor dan industri yang kurang mendapat impak COVID-19 iaitu:

- a) Sektor kerajaan – seperti polis, tentera, pendidikan, kesihatan dan lain-lain dengan memberi fokus kepada zakat pendapatan melalui Potongan Zakat Bulanan.
- b) Sektor perniagaan – tumpuan kepada industri perkhidmatan utama seperti perkhidmatan kesihatan, makanan, keselamatan, kewangan dan lain-lain.

PERKASA AGENDA DIGITALISASI

Apabila berlakunya krisis pandemik ini, secara tidak langsung LZS perlu bergerak dalam norma baharu. Maka, agenda digitalisasi yang dirangka dipercepatkan dalam pengurusan zakat bagi memastikan LZS kekal relevan dengan arus perkembangan semasa dan berdaya saing pada masa hadapan.

Oleh demikian, LZS telah menerokai platform digital bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan zakat, terutamanya aspek pengalaman pelanggan untuk membuat sebarang pembayaran serta permohonan bantuan zakat.

Antara inisiatif digitalisasi LZS yang dilaksanakan termasuklah menyediakan Portal Asnaf *Self-Administration Service* (ASaS) atau Portal Pengurusan Data Asnaf yang menjadi perkhidmatan dalam talian, khusus untuk asnaf fakir dan miskin mengemas kini maklumat diri serta tanggungan dengan cepat dan mudah. Ia sebagai alternatif menggantikan proses bancian semula asnaf fakir dan miskin yang menjadi aktiviti tahunan LZS secara bersemuka.

Platform pembayaran melalui digital juga dipertingkatkan dengan memperkenalkan aplikasi Zakat Selangor bagi memudahkan pengeluar zakat melakukan pembayaran secara dalam talian. Pada masa sama, platform digital sedia ada turut diperkasakan seperti E-Dialisis, E-Pendidikan, E-PAK, EzakatOnline, E-SPG, E-Majikan, EzakatOnline (EZO) dan sebagainya.

PENGHARGAAN

Diharap apa yang dipaparkan dalam Laporan Pengurusan Zakat di Selangor ini dapat menyingkap setiap usaha kutipan dan agihan zakat yang telah dilaksanakan, sekaligus menyakinkan lagi umat Islam terhadap LZS sebagai institusi yang diamanahkan untuk menguruskan zakat. Semoga apa yang telah, sedang dan akan kita lakukan ini mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah SWT. Insya-Allah.

Akhir kata, Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) LZS ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua pengeluar zakat di Selangor yang sentiasa bersama-sama kami dan memberikan kepercayaan menunaikan zakat di LZS. Ucapan penghargaan juga tidak lupa ditujukan kepada barisan warga LZS yang tidak jemu-jemu memberikan perkhidmatan terbaik dalam menyantuni asnaf di Selangor. Harapan saya, semoga kita semua dapat bangkit dan bernafas semula daripada kegawatan 2020. Teruslah menyokong LZS.

Terima kasih.

“

Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka, dengan zakat itu maka membersihkan⁵⁹³ dan menyucikan⁵⁹⁴ mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Surah at-Taubah [9]: 103)

**Y.A.M TAN SRI DATO' SERI SYED ANWAR
IBNI TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL**

D.K. II (Selangor), P.S.M., S.S.I.S., S.S.P.J., S.P.M.P.





**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
Selawat dan salam keatas Rasul junjungan sekalian alam,
Nabi Muhammad S.A.W.**

Tahun 2020 pasti tidak dapat dilupakan oleh kita semua kerana bermulanya titik perubahan yang telah mengejutkan seluruh dunia dengan penularan pandemik wabak Covid-19. Negara kita tidak terkecuali dan susulan daripada pandemik ini pula, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020. Keadaan ekonomi dan kesihatan menjadi semakin merosot sehingga menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara terhadap rutin kehidupan seharian dan impaknya ternyata telah menjejaskan kita semua khususnya kepada rakyat negeri Selangor.

Namun, ianya tidak melunturkan semangat kami di LZS untuk terus melaksanakan segala tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Dengan pelbagai *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, termasuklah pengamalan budaya kerja norma baharu di LZS, kami tetap terus menyantuni asnaf fakir dan miskin termasuklah golongan rentan yang telah terjejas ekoran pandemik ini. Sistem zakat yang telah lama wujud dalam perundangan Islam adalah solusi utama untuk membantu meringankan beban mereka yang ditimpa musibah seterusnya memulihkan ekonomi umat Islam terutama pada saat krisis seperti hari ini.



Alhamdulillah walaupun berada di dalam situasi yang mencabar, pada tahun 2020 jumlah agihan zakat yang telah disalurkan adalah sebanyak RM867.2 juta dan ini dapat meringankan bebanan asnaf di negeri Selangor. Agihan ini mungkin tidak akan terhasil tanpa sokongan daripada anda semua yang telah menunaikan zakat melalui LZS sehingga mencecah RM913 juta pada tahun 2020.

Memahami situasi mereka yang terkesan akibat pandemik ini, LZS telah mewujudkan satu Bantuan Khas Covid -19 (BKC 19) bagi meringankan beban mereka yang terkesan dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM15.0 juta. Bantuan khas ini meliputi bantuan kepada penjaja, peniaga kecil, pekerja B40 yang terjejas dengan sumber pendapatan serta bantuan peralatan perubatan dan bantuan makanan kepada pelajar dan petugas barisan hadapan. Antara lain, LZS turut menyumbang semula kepada masyarakat dengan melaksanakan pelbagai aktiviti berbentuk Tanggungjawab Sosial Korporat dan *Creating Shared Value* melalui dana pengurusan (dana Amil).



Sejak dilanda pandemik COVID - 19, masyarakat hidup dalam perubahan dan norma baru. Kini penggunaan internet merupakan satu keperluan utama dalam menjalankan tugas seharian. Bidang komunikasi, teknologi, hebahan maklumat dan pemasaran telah memberi impak besar dengan cara atas talian. Justeru, melalui Rancangan Strategik Dan *Roadmap* Digitalisasi yang dibangunkan oleh LZS, kami bersedia menawarkan saluran perkhidmatan zakat yang lebih baik kepada masyarakat sama ada pembayar mahupun penerima zakat.

Untuk mengorak langkah lebih jauh dan untuk menjadikan LZS sebuah organisasi yang berdaya saing maka penggunaan teknologi seiring dengan era digitalisasi hendaklah dipertingkatkan dan dipercepatkan. Ini secara tidak langsung dapat menjadikan LZS sebuah organisasi yang lebih cekap, kos efektif, perkhidmatan efisien, penyebaran luas maklumat zakat kepada pembayar dan penerima zakat.

Dengan kerjasama dan sinergi semua pemegang taruh dan warga kerja, saya yakin LZS dapat memastikan tahun yang akan datang lebih baik untuk kita semua. Insha Allah kami akan berusaha lebih kuat untuk memastikan LZS terus menjadi sebuah institusi zakat yang terbaik dalam menyantuni ummah.

Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan jutaan terima kasih kepada mereka yang telah memberikan kesetiaan didalam menunaikan zakat setiap tahun di LZS. 2.5% anda telah memberikan sinar harapan yang besar kepada semua keluarga asnaf di negeri Selangor. Zakat anda merupakan kesinambungan kehidupan mereka. Teruskan menunaikan zakat di Lembaga Zakat Selangor. Sedikit bagi anda, segalanya buat mereka.

Sekian, terima kasih.



**HAJI SAIPOLYAZAN
BIN M.YUSOP**

*Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Zakat Selangor*

“

Barang siapa mengerjakan amal soleh, baik lelaki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik ⁷⁵² dan sesungguhnya Kami akan memberikan balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang telah mereka kerjakan.”

(Surah an-Nahl [16]: 97)



PENGENALAN

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
merupakan institusi di bawah
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)
yang dipertanggungjawabkan untuk
menguruskan kutipan dan agihan zakat
di Negeri Selangor

VISI

Menjadi peneraju
institusi zakat yang
mengamalkan
piawaian
pengurusan
setanding dengan
peringkat global

MISI

Memberi
perkhidmatan
kepada umat
Islam dengan
penuh integriti dan
profesionalisme
dalam urusan
kutipan dan agihan
zakat

OBJEKTIF

Memperkasa
Pengurusan zakat

Memaksimumkan
kutipan zakat

Meningkatkan
keberkesanan
agihan zakat

“

Maka dia (Sulaiman) tersenyum, lalu tertawa kerana (mendengar) perkataan semut itu. Dan dia berdoa: “Ya Tuhanku, anugerahkanlah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmatMu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada kedua orang tuaku dan agar aku mengerjakan kebajikan yang Engkau redhai; dan masukkanlah aku dengan rahmatMu ke dalam golongan hamba-hambaMu yang soleh.”

(Surah an-Naml [27]: 19)

STRUKTUR KORPORAT

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)



DYMM SULTAN SELANGOR



MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)



LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

- Ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.
- Aktiviti utama adalah melaksanakan aktiviti kutipan dan agihan.



PERBADANAN WAKAF SELANGOR (MAIS)

- Menguruskan dan mentadbir pembangunan, penyelenggaraan dan penyelidikan berkenaan hartanah wakaf dan produk wakaf.



KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

- Merupakan sebuah Istitusi Pengajian Tinggi Islam milik MAIS sepenuhnya.



MAIS CORPORATION SDN BHD

- Perniagaan utama adalah pembinaan, pengurusan dan pembangunan hartanah, penjagaan kesihatan dan pembekalan.



TERAJU EKONOMI ASNAF SDN BHD

- Melaksanakan aktiviti membantu asnaf fakir & miskin dalam pengurusan projek komersial dan ekonomi serta aktiviti pembangunan.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE)

- Menyantuni anak yatim individu seluruh Selangor dan di Rumah Kebajikan Anak Yatim.
- Menyediakan perkhidmatan Pusat Dialisis MAIS.

“

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan hati kami cenderung kepada kesesatan sesudah Engkau memberi petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi Engkau, kerana sesungguhnya Engkaulah Maha Pemberi (kunia).”

(Surah Ali- 'Imran [3]:8)



STRUKTUR ORGANISASI

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)



“

Ingatlah, kamu adalah orang yang diajak untuk menginfakkan (hartamu) pada jalan Allah. Lalu di antara kamu ada orang yang kedekut dan barang siapa kedekut, maka sesungguhnya dia jadi kedekut terhadap dirinya sendiri. Dan Allahlah Yang Maha Kaya dan kamulah yang memerlukan (kurniaanNya). Dan jika kamu berpaling (dari jalan yang benar) Dia akan menggantikan (kamu) dengan kaum yang lain dan mereka tidak akan (derhaka) seperti kamu.”

(Surah an-Nahl [16]: 97)



AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)



Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail

D.K. II (Selangor), P.S.M., D.P.M.S., S.P.M.P., S.S.P.J.

PENGERUSI LZS

- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntant Malaysia (MIA)
- Akauntan Praktik Bertauliah (CPA), CPA Australia
- Court of Emeritus Fellows, Malaysian Institute of Management
- Sarjana Muda Sastera (Perakaunan) Universiti Macquarie, Sydney, Australia (1974)

Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak 1 Januari 2009. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kewangan & Tender LZS, Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan, Imbuan dan Tatatertib LZS, dan Ahli Jawatankuasa Audit LZS.

Beliau juga merupakan Pengerusi Nestle (M) Berhad, Pengerusi Kenanga Investment Bank Berhad, Pengerusi S P Setia Berhad dan Canselor Universiti Segi.

Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail sebelumnya adalah Pengerusi Malaysia Airports Holdings Berhad, Pengerusi Cahya Mata Sarawak Berhad, Pengerusi Malakoff Corporation Berhad, Pengerusi Media Prima Berhad, Pengerusi Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Pengerusi di DRB Hicom Berhad, Pengerusi EON Bank Berhad, dan Pengerusi Lembaga Tabung Haji (Investment Panel).

Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas di Maxis Communications Berhad, Pengarah Bebas di Bangkok Bank Berhad dan juga sebagai Pengarah Urusan Kumpulan di Amanah Capital Partners Berhad.

YBHG. Dato' Dr. Aziuddin Bin Ahmad

D.S.I.S.

TIMBALAN Pengerusi LZS

- Ph.D. Fizik Reaktor Neutron (1982), Imperial College, London
- M.Sc. Sains dan Kejuruteraan Reaktor Nuklear (1979), Queen Mary College, London
- B.Sc. (Eng.) Kejuruteraan Elektronik & Elektrik (1977), King's College, London

YBhg. Dato' Dr. Aziuddin bin Ahmad dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak 15 Mac 2018. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Operasi Kutipan LZS, Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Tender, Ahli Jawatankuasa Audit LZS, dan Ahli Jawatankuasa Pencalonan, Imbuan dan Tatatertib LZS. Beliau juga merupakan Ahli Anggota MAIS dan merupakan Pensyarah dan Pendakwah Bebas serta Pemegang Amanah Insan Siddiq Berhad.

Beliau pernah berkhidmat sebagai 'Distinguished Fellow' Putra Business School (2015-2016), Pemegang Amanah Bebas LZS (2009-2014), Pakar Antarabangsa Berdaftar IAEA (2013-2017), Pengerusi Malaysia Nuclear Power Corporation (2011-2012), Profesor dan Rektor KUIS (2010-2013), Profesor GSM-UPM (2007-2010), Pengarah Eksekutif (Pemegang Lesen CMSL) i-VCap Management Sdn Bhd (2007-2009), Pengarah i-VCap Management Sdn Bhd (2009-2010), Pengarah ValueCAP Sdn Bhd (2007-2014), Pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad (2004-2008), Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji (2001-2006) dan juga Pengarah Malaysia Mining Corporation (2000-2001).





**Sahibus Samahah Dato' Setia Haji
Mohd Tamyas bin Abd Wahid**

S.S.I.S., D.P.M.S., P.P.T.

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH LZS

- Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian),
Universiti Al- Azhar Kaherah, Mesir
- Diploma Pendidikan Bahasa Arab,
Universiti Ain Syams Kaherah, Mesir

Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohd Tamyas bin Abd Wahid dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak 1 Januari 2012. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Dermasiswa Zakat Pasca Ijazah Sultan Idris Shah LZS, Pengerusi Jawatankuasa Operasi Agihan LZS, Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Tender LZS, dan Ahli Jawatankuasa Rayuan Tatatertib LZS.

Selaku Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, beliau telah dilantik sebagai Ahli Dewan Di-Raja Selangor, Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, Pengerusi Jawatankuasa Falak Negeri Selangor dan Ahli Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).

Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohd Tamyas juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) MAIS, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) MAIS, Ahli Lembaga Rayuan Tatatertib MAIS, Ahli Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Teks Al-Quran KDN. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Panel Pakar Kajian Syariah JAKIM, Ahli Jawatankuasa Rayuan Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI), dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid SSAAS Shah Alam.

Beliau juga memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Baitulmal MAIS, Ahli Jawatankuasa Pelaburan MAIS, Ahli Jawatankuasa Undang-undang MAIS, Ahli Jawatankuasa Sumber Manusia MAIS, Jawatankuasa Dakwah Negeri Selangor MAIS, Ahli Jawatankuasa Pengawalan Akidah MAIS, Ahli Jawatankuasa Tatatertib MAIS, Ahli Jawatankuasa Tauliah MAIS, Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor (MAIS), Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Tender MAIS, Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf MAIS, Ahli Jawatankuasa Puast Arahan Nadi MAIS, Ahli Jawatankuasa Dasar Halal Negeri Selangor MAIS, Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat dan Ahli Lembaga Koperasi Guru-guru Agama Islam Selangor Berhad.

**Y.M. Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad
Al Haj bin Raja Tun Uda Al Haj**

P.S.M., S.P.M.S., S.S.T.M., P.J.N, D.S.S.A.

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH LZS

- Felo Institut Akautan Berkanun, England dan Wales
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Institut Akaun Awam Bertauliah Malaysia

Beliau juga merupakan Pengerusi Maxis Berhad, Pengerusi Ekuiti Nasional Berhad, Pengerusi Icon Offshore Berhad, Ahli Lembaga Yayasan Dayadiri, Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor, Pengerusi Yayasan Amir, Pengerusi Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda dan juga Canselor Universiti Selangor.

Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCoopers Malaysia, Pengerusi Kepimpinan PwC Asia 7, Ahli Pasukan Kepimpinan Global PwC, Ahli Lembaga PwC Global IFRS, Ahli Lembaga Khazanah Nasional Berhad, Ahli Lembaga Sime Darby Berhad, Pengerusi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, Ahli Majlis Penasihat Piawai Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa, Pengerusi Danamodal Nasional Berhad, Ahli Yayasan Pelaporan Kewangan, Ahli Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Ahli Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia, Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Galeri Seni Negara.





Ybhg. Dato' Mohamed Ross Bin Mohd Din

D.S.I.S.

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH LZS

- Diploma Perbankan (Memo. Pt 1, 1973),
Institute of Bankers, London

YBhg. Dato' Mohamed Ross bin Mohd Din dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah sejak 1 Januari 2015. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Risiko, Integriti dan Kepatuhan, Pengerusi Jawatankuasa Rayuan dan Tatatertib serta Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Tender.

Beliau juga memegang jawatan Pengerusi CIMB Islamic Bank Berhad; Pengarah Bebas CIMB Group Holdings Berhad; Pengerusi Jawatankuasa Audit CIMB Group Holdings Berhad ; Ahli Jawatankuasa Risiko & Pematuhan, Ahli Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan CIMB Group Holdings Berhad; serta Ahli Jawatankuasa Risiko & Pematuhan, CIMB Islamic Bank Berhad.

YBhg. Dato' Mohamed Ross pernah berkhidmat di HSBC Bank Malaysia Berhad diantara Februari 1972 sehinga Disember 2007.

YBhg. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah
AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH LZS

- D. Phil. Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dan Sains Komputer, Universiti Sussex, England
- Sarjana Sains dalam Sains Komputer, Universiti Indiana, Bloomington, A.S.
- Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengajian Gabungan: Matematik & Pengajian Komputer, Politeknik Sunderland, England.
- Sijil Analisis Rangkaian Sosial, Universiti Michigan

YBhg. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak 1 Januari 2018. Beliau memegang beberapa jawatankuasa di LZS seperti Pengerusi Jawatankuasa Teknologi Maklumat, Ahli Jawatankuasa Operasi Kutipan, Ahli Jawatankuasa Pencalonan, Imbuhan & Tatatertib, Ahli Jawatankuasa Operasi Agihan, dan Ahli Jawatankuasa Dermasiswa Zakat Pasca Siswazah Ijazah Sultan Idris Shah.

Beliau juga merupakan Pengerusi dan Pengarah Araken Sdn. Bhd. (2004 – kini), Ketua Penyelidik Bersama di Pusat Penyelidikan Kolaboratif Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST) (2017 – kini), Pengerusi Jawatankuasa Perjawatan & Perkhidmatan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Ahli Lembaga Perolehan SSM, Ahli Jawatankuasa Pelaburan SSM, Ahli Jawatankuasa Rayuan Tatatertib SSM, Ahli Jawatankuasa Tatatertib III SSM dan juga Ahli Jawatankuasa Tatatertib IV SSM.

Selain itu, YBhg. Dr. Abdul Rahman pernah memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko di SSM; Ahli Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Lembaga Pengajian (BoS) untuk program Pascasiswazah Kulliyah ICT; Ahli Lembaga Penasihat Industri, Kecerdasan Buatan (A.I) "Pusat Kecemerlangan (CoE)", Universiti Nottingham Malaysia; Ahli Lembaga Pengajian Sarjana Muda Sains Pengurusan Pengetahuan, Universiti Selangor (UNISEL); Ahli Lembaga Pengajian Sarjana Teknologi Kejuruteraan Automasi Industri, Universiti Kuala Lumpur Institut Perancis Malaysia (UNIKL MFI); Lembaga Pengarah di Accurate Network & System Integration Sdn. Bhd., Creative Partners Corporation Sdn. Bhd., Xolox (M) Sdn. Bhd., Abrar Venture Capital Sdn. Bhd., dan AGI Nominees Sdn. Bhd.

YBhg. Dr. Abdul Rahman pernah berkhidmat di StellaGen Sdn. Bhd sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, sebagai Pengurus Kanan di Accenture, pernah bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar di Abrar Group International Sdn. Bhd., sebagai Presiden & Pengarah di TSI Telsys Corporation dan S Vision International, Pengurus di Proton Holdings dan Pengurus di Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS).

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pensyarah/tutor di Universiti Malaya (UM) serta pernah menjadi Felo Penyelidik di Universiti Aberdeen dan sebagai Pembantu Pengajar di Universiti Indiana.



YBhg. Dato' Paduka Emeritus Prof. Dr. Muhamad Bin Awang

J.S.M.

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH LZS

- Doctorandus (Drs), Institut Teknologi Bandung (1974)
- PhD, University of Sheffield, England (1979)
- Certificate in Environmental Change : Policy, Planning & Management, Universiti Oxford (1995)
- Certificate Teaching and Case Study Method, Harvard Executive Program (2005)

Dato' Paduka Emeritus Prof. Dr. Muhamad bin Awang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak 1 Januari 2018. Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Kecil LZS bagi Jawatankuasa Operasi Agihan, Jawatankuasa Operasi Kutipan, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dan Jawatankuasa Dermasiswa Zakat Pasca Ijazah Sultan Idris Shah.

Beliau merupakan Naib Canselor pertama SEGi University and Colleges dan kini menabur bakti selaku Profesor Emeritus di Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau yang merupakan warga akademik UPM pernah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik (16 Jun 2000 - 7 April 2005) serta beberapa jawatan pentadbiran termasuklah Pemangku Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pengawas Kewangan dan Pembangunan, Pemangku Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, serta Dekan Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar.

Selain itu, beliau pernah dilantik sebagai Penasihat Dan Anggota Kumpulan Pemikir untuk Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi Penyelidikan, Pembangunan, dan Pengkomersialan; Ketua Jawatankuasa Teknikal untuk penubuhan Universiti Penyelidikan Awam; Ketua Jawatankuasa Teknikal Perubahan Iklim untuk Akademi Sains Malaysia (ASM); wakil ASM ke Majlis Sains Antarabangsa (ICSU) untuk Wilayah Asia dan Pasifik (2005 - 2010); Ahli Majlis ASM (2008 - 2011); Ahli Majlis Kualiti Alam Sekeliling Malaysia (EQC) (1994 - 2009); Pengerusi Jawatankuasa Kecil Nasional 5 - Penilaian Kitaran Hidup (LCA) / TC 207 / ISO 14000 piawaian Pengurusan Alam Sekitar; serta Ahli Pasukan Kajian Pelan Strategik Nasional untuk Pengajian Tinggi (PSPTN).

Beliau juga berperanan sebagai sumber rujukan pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk penilaian amalan University Good Governance di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan beliau juga terlibat dengan penubuhan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi).





**YBhg. Puan Hajah Badariah
binti Abd Jalil**

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH LZS

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan –
Pembangunan Sumber Manusia,
Universiti Hull, UK

YBhg. Puan Hajah Badariah binti Abd Jalil dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak 30 Januari 2018. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Sumber Manusia LZS, Ahli Jawatankuasa Operasi Agihan LZS, dan Ahli Jawatankuasa Pencalonan, Imbuhan dan Tatatertib LZS. Beliau juga merupakan Pengarah Kumpulan Modal Insan di Petra Energy Berhad.

YBhg. Puan Hajah Badariah pernah berkhidmat sebagai Pengarah Modal Insan di The NSTP (M) Berhad. Bersama Media Prima Berhad, beliau pernah memegang jawatan Ketua Pengarah Keselamatan TV3, Pengurus Besar Urusan Korporat, Pengurus Besar Sumber Manusia dan Perkhidmatan Pengurusan.

Selain itu, beliau juga sebelum ini berkhidmat sebagai Naib Presiden Korporat Sumber Manusia di Celcom Axiata Berhad dan Perunding Utama di Price Waterhouse Coopers.



**YBhg. Dr. Haji Mohd Farid Ravi
Bin Abdullah**

A.I.S, K.M.N, J.M.W.

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH LZS

- Ph.D Tafsir & Ulum Al-Quran, University of Jordan
- Ijazah Sarjana Al-Quran, Jordan Universiti
- Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Universiti Al-Bayt, Jordan

YBhg. Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah sejak 13 Mei 2020 sehingga 31 Disember 2020 dan juga merupakan Ahli Jawatankuasa Operasi Agihan.

YBhg. Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah kini berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau juga merupakan Ahli MAIS sesi 2018 hingga 2020. Selain itu, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf MAIS; Pengerusi Pertubuhan Muallaf India Semalaysia; Ahli Majlis PERKIM Kebangsaan 2018 – 2020 dan juga sebagai Pengerusi Jurunature Sdn. Bhd. Beliau juga berpengalaman luas dalam bidang pendidikan dan penyelidikan (bidang Pengajian Islam), khidmat masyarakat dan penyedia perkhidmatan dalam industri minyak dan gas.

YBhg. Dr Ahmad Shahir Bin Makhtar

A.I.S, P.J.K

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH LZS

- Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (2017)
- Sarjana, Universiti Putra Malaysia (2008)
- Ijazah Kepujian Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia (1994)
- Diploma, Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Terengganu (1991)

YBhg. Dr. Ahmad Shahir bin Makhtar dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah sejak 13 Mei 2020. Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Operasi Kutipan, Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus, Pencalonan, Imbuhan & Tatatertib, Ahli Jawatankuasa Audit dan Ahli Jawatankuasa Dermasiswa Pasca Ijazah Sultan Idris Shah.

Beliau juga merupakan Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Penolong Pengarah Bahagian Belia, Kementerian Belia & Sukan Malaysia. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan zakat di Selangor sejak awal penubuhan Pusat Zakat Selangor pada tahun 1995. Beliau sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Penolong Pengurus Bahagian Operasi Pungutan Pusat Pungutan Zakat Selangor (MAIS); Pengurus Jabatan Agihan & Pembangunan Masyarakat Pusat Zakat Selangor (MAIS); Timbalan Pengurus Besar Pusat Zakat Selangor (MAIS); Pengurus Besar Lembaga Zakat Selangor (MAIS) sebelum dilantik sebagai Timbalan Setiausaha / Pengarah Pembangunan Sosial MAIS pada tahun 2013.



“

Dari Hakim bin Hizam r.a., katanya, Nabi saw. bersabda: “Tangan yang di atas (tangan yang memberi) lebih baik dari tangan yang di bawah (tangan yang, menerima atau meminta). Maka kerana itu mulailah memberi kepada keluargamu. Sebaik-baik sedekah ialah ketika kaya. Siapa yang mohon dipelihara (agar dia tidak sampai minta-minta) Allah akan memeliharanya, dan siapa yang mohon ditetapkan (agar tidak ada bergantung selain kepada Allah) Allah akan mencukupkannya.”

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)



KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)

Haji Saipolyazan bin M. Yusop

Ketua Pegawai Eksekutif

- Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik Kuasa), UTM

Haji Saipolyazan bin M. Yusop telah berkhidmat bersama LZS sejak 10 Jun 2019 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau mempunyai lebih 27 tahun pengalaman dengan beberapa syarikat korporat dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang korporat, operasi, teknikal dan perundingan.

Beliau telah memulakan kariernya pada tahun 1993 sebagai Jurutera Elektrik di Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS) sehingga tahun 1996 sebelum menyertai Telekom Malaysia Berhad (TM) sebagai Penolong Pengurus (1996 – 1997).

Pada tahun 1997, Haji Saipolyazan berkhidmat di Celcom Axiata Berhad (CELCOM) dengan memegang jawatan sebagai Ketua Perancangan dan Pembangunan sehingga tahun 2000. Kemudian, beliau menyertai Gerbang Perdana (2000 – 2008) sebagai Pengurus Projek. Seterusnya beliau berpindah bertukar ke Advanced Maintenance Precision Management Sdn Bhd (AMPM) sebagai Pengarah Operasi Kumpulan (2008 – 2012) dimana beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pembuat Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) Malaysia. Pada masa yang sama, En Saipolyazan juga merupakan Pengarah Operasi Kumpulan Pengurusan Aset & Fasiliti Bangunan Sultan Iskandar dan JB Sentral Johor Bharu, pada 2012–2019 beliau telah berhijrah ke Mekah dimana beliau menjawat jawatan Ketua Pengurusan Aset & Kemudahan di Alborj Facility Management.

Haji Saipolyazan juga merupakan Penasihat Teknikal Kepada Sheikh Shafiq bin Laden iaitu pemilik syarikat Alborj Facility Management dan juga pernah mengetuai Pasukan Perunding Pelaksanaan Pengurusan Aset dan Fasiliti menyeluruh projek Pembangunan Wakaf King Abdul Aziz Mekah (7 Towers–Clock Tower) & Prince Mohamad Abdul Aziz Hospital Madinah.



Puan Hajah Ariffa binti Ariffin

Ketua Pegawai Operasi Korporat dan Projek Khas

- Akauntan Bertauliah dalam bidang Pengurusan Global (CGMA), UK
- Sarjana Muda Pentadbiran (Kepujian) Perakaunan dan Kewangan, Universiti Liverpool John Moores, UK
- Diploma Tadbir Urus & Pematuhan Korporat, Basel Institute – Governance & MIA

Puan Hajah Ariffa binti Ariffin telah berkhidmat bersama LZS pada 1 Mac 2018 sebagai Ketua Pegawai Operasi Korporat dan Projek Khas. Beliau mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dengan beberapa syarikat korporat dan mempunyai pengalaman dalam bidang perancangan perniagaan, strategi serta analisis dan penilaian perniagaan.

Antara jawatan yang pernah disandang beliau sebelum ini ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif –Korporat, di Kumpulan Media Karangkrak, Pengarah Bersekutu di Innovation Associates Consulting Group Sdn Bhd (iA), dan Pengurus Besar Bahagian Perkhidmatan Korporat di Malaysia Building Society Berhad. Beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Pengurus Bahagian Perundingan Strategi di Ernst & Young Management Consultancy, sebagai Penolong Pengurus Perancang Korporat di Tabung Haji Technologies Sdn Bhd dan Eksekutif Kanan di Arab Malaysian Bank Berhad.



Puan Rapizah binti Muhammad Sharif

ACMA, CGMA, C.A. (M), MBA

Ketua Pegawai Kewangan

- Akauntan Berkanun (CGMA), Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)
- Akauntan Berkanun (CA), Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Kewangan dan Pelaburan Gunaan, UKM
- Sarjana Muda Perakaunan, UUM

Puan Rapizah binti Muhammad Sharif telah berkhidmat bersama LZS sejak 10 Mei 2017 sebagai Ketua Pegawai Kewangan. Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dengan beberapa syarikat korporat dan multi nasional serta mempunyai pengalaman dalam bidang pengauditan, pemasaran dan perakaunan.

Antara jawatan yang pernah disandang beliau sebelum ini ialah Juruaudit Operasi di Maybank Berhad dan Ketua Juruaudit Dalamann, Nestle Products Sdn. Bhd. Beliau seterusnya melebarkan sayapnya di Nestle di dalam bidang Pemasaran dan Pengurusan Jenama (MAGGI) dan sebagai Financial Controller di beberapa Divisyen di Nestle termasuklah di Nestle Professional, bagi Malaysia dan Singapore. Jawatan terakhir beliau ialah sebagai Pengurus, Continuous Excellence & Change Management – Corporate Finance sebelum menyertai LZS.





Encik Abdul Basith bin Hamid

Ketua Divisyen Operasi Agihan

- Sarjana Pengurusan Perniagaan, OUM
- Diploma Pengurusan Perniagaan, Unitar

Encik Abdul Basith bin Hamid telah berkhidmat bersama LZS sejak 1 Jun 2011 sebagai Ketua Divisyen Operasi Agihan. Beliau mempunyai lebih 23 tahun pengalaman dengan beberapa syarikat korporat dan mempunyai pengalaman dalam bidang pengauditan dan pengurusan perniagaan.

Antara jawatan yang pernah disandang beliau sebelum ini ialah Ketua Juruaudit Dalaman di Uni Asia LIFE ASSURANCE Berhad, Penolong Pengurus Jabatan Audit Dalaman di Tahan Insurance Berhad, Eksekutif Kanan Jabatan Audit Dalaman di AM Merchant Bank Berhad dan Eksekutif Jabatan Audit Dalaman di Credit Corporation Malaysia Berhad.

Encik Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini

Ketua Divisyen Kutipan

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), UPM
- Sarjana Muda Perakaunan, UPM

Encik Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini telah berkhidmat bersama LZS sejak 1 September 2008 sebagai Eksekutif Perniagaan dan dilantik sebagai Ketua Divisyen Kutipan pada tahun 2016. Beliau mempunyai lebih 13 tahun pengalaman dengan beberapa syarikat korporat dan mempunyai pendidikan dalam bidang pengurusan perniagaan dan perakaunan.

Antara syarikat yang beliau pernah berkhidmat sebelum ini ialah Menara Setia Construction Enterprise, Nusantara Worldwide Insurance (M) Berhad di bawah subsidiari Koperasi Polis Berhad dan Maybank Property Trust Management Berhad.

Encik Mohd Sabirin juga merupakan Perancang Kewangan (RFP Syariah) yang berdaftar di bawah 'Malaysian Financial Planning Council' (MFPC). Selain itu, beliau juga mendapat pentauliahkan mengajar di Negeri Selangor (Khas) di bawah JAIS dan merupakan Ahli Persatuan Percukaian Malaysia (MATA).



Dr. Hajah Adibah binti Ab Wahab

Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf

- Phd Ekonomi Islam (UM)
- Sarjana Syariah (UM)
- Sarjana Muda Ekonomi (UIAM)

Dr. Hajah Adibah binti Ab Wahab telah berkhidmat bersama LZS sejak 1 Februari 1996 dan menjadi ahli pengurusan tertinggi institusi zakat sejak tahun 1996 di LZS.

Beliau kini menjawat jawatan sebagai Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf dan pernah menjawat pelbagai jawatan di LZS seperti Ketua Divisyen Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan (2017 - 2018), Ketua Pejabat Dakwah dan Syariah (2016 - 2017), Penolong Pengurus Besar Agihan (2011 - 2013), Ketua Divisyen Kutipan (2005 - 2010), Ketua Jabatan Pentadbiran dan Khidmat Pelanggan (2004 - 2005), Ketua Jabatan Korporat (2000 - 2003), dan juga sebagai Penolong Pengurus Pentadbiran, Kewangan dan Komputer (1996 - 2000).

Beliau pernah berkhidmat bersama Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) pada tahun 1990 sehingga 1996 sebagai Eksekutif Zakat dan merupakan kakitangan perintis di dalam institusi zakat di Malaysia mulai tahun 1990.





Puan Roszy binti Non

Ketua Divisyen Perkhidmatan Cawangan & Hub

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Western Michigan, USA
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Western Michigan, USA

Puan Roszy binti Non telah berkhidmat bersama LZS sejak 15 Oktober 2012 sebagai Ketua Divisyen Perkhidmatan Cawangan & Hub. Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dengan beberapa syarikat korporat dan mempunyai pengalaman dalam bidang perkhidmatan pelanggan, perbankan dan perbendaharaan.

Antara jabatan yang pernah beliau berkhidmat sebelum ini ialah bahagian Kutipan dan Perkhidmatan Cawangan, Pelanggan & Pemprosesan di LZS, bahagian Perbendaharaan di Bank Negara Malaysia, dan bahagian Perbendaharaan, Pengurusan Risiko & Perancangan Strategik di Affin Investment Bank. Kemudian bahagian Perkhidmatan Pelanggan dan Cawangan di Takaful Malaysia.

Puan Roszy kini sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang kedoktoran Pentadbiran Perniagaan di Universiti Wales Trinity Saint David, UK.

Encik Abdul Halim Abd Rahim

Ketua Divisyen Teknologi Maklumat

- Sarjana Muda Sains, Sains Aktuari, Universiti IOWA, IOWA City, USA.

